

**Asri: Beri insentif pada pasangan kahwin campur
Malaysiakini.com
November 29, 2010**

Bekas mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin hari ini mencadangkan perkahwinan dijadikan antara faktor bagi mendekatkan hubungan antara kaum yang berbeza di negara ini.

Sehubungan itu, katanya golongan yang berpengaruh dan kerajaan hendaklah menggalakkan perkahwinan campur termasuk memberikan insentif tertentu kepada pasangan yang berkahwin rentas kaum berkenaan.

asri jais record statment colum upacara telan air ludah ustaz 100410 pcMenurutnya, sejarah telah membuktikan perkahwinan telah menjadi faktor perdamaian dan interaksi harmoni antara budaya dan kaum.

"Perkahwinan antara kaum hendaklah tidak bersifat menghapuskan budaya dan nilai positif yang dimiliki oleh sesuatu kaum. Setiap pasangan berhak mengekalkan budaya dan adat resam kaumnya yang baik.

"Hendaklah setiap pasangan meraikan warisan dan budaya pasangannya yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip yang dipegang. Memaksa seorang Cina menjadi 'Melayu' atau Melayu menjadi 'Cina' selepas perkahwinan adalah tindakan yang salah dan tidak membawa keharmonian kaum," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Asri, bagi yang beragama Islam, hendaklah dipastikan keislaman mereka terpelihara. Bahkan individu berkenaan wajar menunjukkan contoh pegangan dan akhlak yang baik kepada pasangannya kerana sikap dan teladan yang buruk akan menyebabkan salahfaham terhadap Islam.

sabah native wedding marriage ethnic groups 250509 04" Fahaman agama yang sempit seperti menghalang pasangan yang menganut Islam berhubung dan berbuat baik kepada keluarga asalnya, menziarahi mereka atau menafikan nama keluarga seperti menukar nama 'bapa' adalah sesuatu yang tidak diajar oleh Islam.

"Bahkan nas-nas Islam menyanggahi hal tersebut. Ia adalah 'kesempitan pemikiran setempat' yang patut digugurkan dari masyarakat kita. Ia antara penghalang keharmonian kaum dan agama," katanya.

Bekas mufti Perlis itu juga berkata perkahwinan antara kaum patut dijadikan kesempatan memahami dan mempelajari nilai-nilai mulia yang dimiliki oleh setiap kaum dan bukan bertujuan menghapuskan identiti kaum berkenaan.

"Dengan itu, setiap kaum akan hormati dan cuba memahami kelebihan dan kekurangan yang dimiliki lantas melaksanakan apa yang Allah firman: (maksudnya): Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya. (Surah al-Hujurat: 13)."

sabah native wedding marriage ethnic groups 250509 02Katanya lagi, perkahwinan campur hendaklah bebas dari anggapan bahawa sesuatu kaum lebih mulia dari kaum yang lain

hanya atas faktor keturunan semata-mata.

“Sabda Nabi SAW “Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas 'Ajam (yang bukan Arab), atau 'Ajam ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan” (Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi, dinilai hasan oleh al-Albani),” katanya.

Menurutnya, jika hal-hal itu, dihayati, perkahwinan campur boleh membantu mengeratkan hubungan antara masyarakat majmuk di negara ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149436>